

Jangan biar bumi musnah angkara kerakusan manusia

Saya tertarik ruangan *BH Sastera* yang bertarikh 7 November 2014 memaparkan mesej pameran 'Mati Katak' hasil lukisan tangan seorang pemuda tempatan yang cintakan alam sekitar. Raja Azeem Idzham Raja Azaham menampilkan pameran solonya yang bertemakan abstrak hidupan amfibia seekor katak.

Mungkin bagi saya yang bukan berdarah seni kurang memahami rahsia di sebalik lukisannya. Namun, lukisan beliau lebih kepada memberi kesedaran kepada kita tentang riwayat hidup sang bumi. Sampai bilakah bumi mampu bertahan dengan perbuatan rakus manusia?

Ini merujuk juga kepada keratan akhbar *BH* mengenai banjir lumpur yang melanda Cameron Highlands. Jika diteliti, adakah banjir kilat itu berlaku tanpa sebab? Ya, memang tidak dapat dinafikan dalam perspektif Islam ini semua kehendak Allah dan kita sebagai hamba-Nya yang kerdil hanya mampu berserah dan berdoa. Sebagaimana mafhum-Nya:

"Allah Pencipta langit dan bumi, dan bila Dia berkehendak sesuatu, maka Dia hanya mengatakan kepadanya: 'Jadilah, maka jadilah ia'.
"Al Baqarah: 117

Ayat tersebut menerangkan apabila Allah SWT berkehendak dan menghendakinya dan apabila Dia menetapkannya sesuatu maka terjadilah ia. Jadi, sebagai hamba-Nya kita hendaklah bersyukur dan memelihara bumi dengan sebaik mungkin. Namun, bumi pada masa kini semakin sakit dengan perbuatan manusia.



Keratan akhbar *BH* keluaran 7 November lalu mengenai isu banjir lumpur di Cameron Highlands.

Kerakusan manusia musnah bumi

Tidak hairanlah jika suatu hari nanti bumi akan 'Mati Katak' disebabkan perlakuan manusia yang rakus dan pentingkan diri sendiri. Banyak punca yang dikaitkan dengan kejadian banjir lumpur baru-baru ini dan puncanya semua merujuk kepada perbuatan manusia. Laporan daripada keratan *BH* melaporkan kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh ini berpunca daripada pembalakan haram dan penerokaan

haram. Di mana sikap sayangi alam sekitar dalam diri mereka yang rakus ini?

Apabila musibah melanda, barulah semua mula membuka mulut dan saling menuding jari. Sebenarnya, ia bermula dari sikap manusia dan semua pihak harus memainkan peranan dalam mengelak kejadian seperti ini menimpa lagi. Musibah yang melanda Cameron Highlands telah meragut tiga nyawa. Langkah pencegahan banjir kilat harus dikenal pasti dan dilaksanakan secepat mungkin

untuk memastikan kejadian ini tidak berulang.

Kebanyakan kejadian banjir berlaku kerana sungai cetek. Jika dahulu sungai mampu mengalirkan sejumlah air yang banyak dalam sesuatu masa, kini pengaliran air sungai itu perlahan dan menjadi punca berlaku proses pemendapan dan pembuangan bahan buangan.

Langkah dalamkan sungai

Langkah untuk menangani masalah ini ialah dengan menjalakan proses pendalaman sungai dengan mengorek semua lumpur dan kekotoran. Apabila proses ini dilakukan, sungai mampu mengalirkan jumlah air hujan yang banyak. Kegiatan pembalakan dan penerokaan tanah di kawasan pinggir sungai menyebabkan tanah terhakis dan runtuh ke dalam sungai.

Keadaan yang sama juga berlaku apabila aktiviti pembalakan yang giat dilakukan di lereng-lereng bukit. Oleh itu pemeliharaan hutan adalah cara yang baik untuk mengatasi masalah banjir. Hutan boleh dijadikan kawasan tadahan yang mampu menyerap air hujan daripada mengalir terus ke bumi.

Hutan boleh berfungsi sebagai bunga karang (sponge) dengan menyerap air hujan dan mengalir dengan perlahan-lahan ke anak-anak sungai.

Ia juga bertindak sebagai penapis dalam menentukan kebersihan dan kejernihan air. Hutan mampu menyerap air hujan pada kadar 20 peratus. Kemudian air hujan ini dibebaskan kembali ke atmosfera melalui sejatan pemeluwapan.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Hanya dengan ini sahaja pengurangan air hujan dapat dilakukan.

Kawal aktiviti pembangunan

Banjir kilat yang berlaku terutama di bandar disebabkan pembuangan sampah dan sisa industri ke sungai dan parit. Bagi menangani masalah ini, kesedaran kepada masyarakat perlu didedahkan supaya aktiviti negatif ini tidak terus dilakukan seperti mengadakan kempen mencintai sungai dan sebagainya.

Badan tertentu juga harus bertanggungjawab menentukan sungai sentiasa bersih dan tidak dijadikan tempat pembuangan sampah. Kejadian banjir adalah malapetaka yang tidak dapat dielakkan terutamanya apabila memabatkan hujan lebat. Justeru, janganlah kita mengambil sikap acuh tidak acuh perihal hidupan bumi. Flora dan fauna juga hidupan di atas muka bumi ini. Kita sebagai makhluk ciptaan-Nya yang berakal seharusnya bijak dan bertanggungjawab dalam memelihara bumi yang banyak berjasa kepada kita semua. Usah biarkan bumi 'Mati Katak'!

Anis Hasni Mustafha,
Universiti Sains Islam Malaysia